

Peranan Penyokong Kumpulan Advokasi Diri

Bahagian dari presentasi ini
dihasilkan oleh Cik Yoshie Dan
(JOCV)



Persatuan Advokasi Diri
Orang Bermasalah Pembelajaran
Selangor & Kuala Lumpur

Kenapa perlu penyokong?

- OKU bermasalah pembelajaran memerlukan penyokong untuk membantu mereka menjalankan aktiviti kumpulan bergiat aktif

Kepentingan Sokongan

- Sokongan yang berkesan akan melihat kemajuan Kumpulan
- Sokongan yang berkesan akan memperkasakan pelatih bermasalah pembelajaran di PDK untuk lebih berdikari
- Sokongan yang berkesan akan memupuk pandangan positif dari komuniti terhadap keupayaan OKU bermasalah pembelajaran

Peranan Penyokong Kumpulan Advokasi Diri

Sikap Positif Penyokong Kumpulan Advokasi Diri

Sikap penyokong 1

■ Fokus jati diri



Sikap penyokong 2



- Sikap Pertama – cara mengajar sebagai cikgu – menumpukan pada memulihkan pelatih dari ketidakupayaan dan tidak mengambil perhatian potensi pelatih

- Sikap Kedua – cara membantu sebagai rakan – memperkasakan pelatih dan meningkatkan potensi menyuarakan pendapat diri, bertindak dan menjadi lebih berdikari.

Syarat-syarat menjadi Penyokong

- Memahami Advokasi diri
- Memahami hak-hak OKU
- Memahami peranan sebagai Penyokong
- Percaya kebolehan dan potensi OKU

Peranan Penyokong

Pengurusan

- Membantu dalam pengurusan kumpulan
 - *Mesyuarat, menaip surat, aktiviti*



Memberi motivasi

- Memberi keyakinan
- Memberi motivasi kepada ahli untuk menemui kurnia dan bakat mereka
- Memberi motivasi kepada ahli untuk belajar berdikari
- Memberi motivasi kepada ahli untuk belajar menjadi pemimpin

Coach(Jurulatih)

- Membina Sikap
- Kemahiran pergaulan
- Kemahiran berdikari
- Kemahiran kepimpinan
- Pendidikan
- Kerjaya



Penasihat

- Memberi nasihat jika diperlukan
- Memberi cadangan jika tidak ada cadangan daripada ahli



Perhubungan sebagai Kawan dan Mentor

- Bergaul dengan mereka sebagai – kawan, rakan sekerja



Kaunseling

- Pekerjaan
- Kawan-kawan
- Perhubungan antara lelaki dan perempuan
- Keluarga
- Kesihatan

Sokongan Pekerjaan

Menggalakkan ahli-ahli mencari kerja



Memberi perhatian perkembangan individu



Memupuk sikap yang baik diantara ahli-ahli kumpulan

- Pergaulan mesra dengan orang lain
- Kemahiran berdikari
- Pendidikan spesifik
- Kemahiran Kerjaya
- Sokongan daripada ahli keluarga



Sikap Penyokong

Sikap Penyokong (1)

1. Apabila Penyokong bercakap semasa mesyuarat, perlu mendapat kebenaran daripada ahli. Tanya kepada ahli “Saya mahu tanya, boleh?” “Saya ada cadangan, boleh?”
2. Apabila Penyokong bercakap, suaranya tidak kuat – cakap dan bincang seperti kawan bukan seperti cikgu
3. Setiap pendapat ahli harus diambil kira
4. Tunggu ahli-ahli memikir sendiri dan keluarkan pendapat mereka

Sikap Penyokong (2)

5. Sentiasa bersabar dan membantu secara positif – mereka memerlukan masa untuk memikir dan membuat keputusan.
6. Boleh bersuara dan memberi pendapat apabila mereka susah faham atau kurang faham dan tidak boleh membuat keputusan, baru boleh tolong mereka.
7. Jangan campur tangan, suruh atau paksa kerana tujuan kumpulan ini adalah OKU membuat keputusan dan memilih sendiri.
8. Jangan memimpin semasa kumpulan membuat sesuatu keputusan

Bagaimana memberi sokongan?

- 1) Dari depan
- 2) Dari sebelah kiri dan kanan
- 3) Dari belakang

1) Dari depan



Memberi idea dan pendapat jika ahli susah menyuarakan pendapat dan idea sendiri

2) Dari sebelah kiri dan kanan



a. Menggalakkan pengerusi bertanya setiap ahli jika pengerusi tidak boleh bertanya pendapat setiap ahli



b. Menolong jika ada seorang ahli susah menyuarakan pendapat diri sendiri - menggunakan cara sendiri yang baik. Setiap individu mempunyai keperluan yang tersendiri.



c. Membantu ahli-
ahli yang susah
memahami isi
kandungan
mesyuarat atau
susah

mengeluarkan
pendapat

(menjelaskan apa yang
dibincangkan supaya mereka
boleh memahami,
menggalakkan mereka
keluarkan pendapat diri)



d. Membantu menjalankan aktiviti



e. Menolong supaya setiausaha menulis rekod mesyuarat jika setiausaha susah membuat rekod mesyuarat – gunakan bahasa yang mudah difahami.



f. Menolong bendahari menguruskan duit jika bendahari susah mengira duit yuran

AGENDA MESYUARAT KE 10:

YABUMHAFD 17/06/2010

PERKARA:

1. MERONTON WIYANG
2. PRODUK KUMPULAN RABRAME - BGG SERBA GUNA BEGE JALANNA



PENDAPAT



PILIH SATU !!

KEPUTUSAN:



CADANGAN:

g. Menolong menyediakan mesyuarat yang akan datang

3) Dari belakang



a. Menolong menyediakan ucapan dan presentasi

b. Keterangan kepada ibubapa

(Pada dasarnya, ahli-ahili sendiri menerangkan tentang Advokasi diri, kumpulan, dan yuran kepada ibubapa. Tetapi Penyokong juga perlu membantu mereka dari segi menulis surat dan memberi penerangan yang lebih jelas jika perlu.)





c. Memberi motivasi



d. Sokongan
moral

Soal Jawab

Soalan:

Bolehkah ahli keluarga kumpulan menjadi penyokong?

Jawapan:

- Biasanya tidak digalakkan sebab mungkin kehadiran ahli keluarga akan menghalang OKU untuk bebas menyuarakan diri dan membuat keputusan sendiri.
- Kemungkinan bahawa ahli keluarganya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pendapatnya.
- OKU terpengaruh oleh pendapat keluarganya

Tetapi....

- Ibubapa harus diberi kesedaran tentang kepentingan advokasi diri
- Mereka harus menggalakkan anak-anak mereka untuk terlibat dalam kumpulan advokasi diri.

Soalan :

Kalau seseorang ahli tidak boleh menyuarakan pendapat dengan bahasa, bagaimana boleh tahu pendapat beliau?

Jawapan :

- Tanya soalan supaya beliau boleh jawab dengan menggunakan bahasa isyarat ringkas
- Menunjukkan pemilihan dengan menggunakan gambar atau secara menunjuk

Soalan:

Mereka mencadang mahu membuat aktiviti berkemah. Tetapi tempat itu bahaya. Bagaimana boleh sokong ?

Jawapan :

- Membantu mereka faham tentang keadaan berkemah, termasuk keadaan merbahaya dan membincang samada kumpulan boleh menghadapi keadaan yang bahaya.
- Jangan terus cakap "tidak boleh"
- Boleh bagi ide dan berfikir bersama-sama untuk mengelakkan bahaya dan berfikir semula samada aktiviti itu harus diadakan.

Contoh yang tidak baik

1. Apabila pengurus menjalankan mesyuarat, penyokong menjadi seperti pengurus akibat bercakap banyak

Perhatian !!

Tujuan kumpulan advokasi diri adalah untuk diri OKU oleh OKU

2. Penyokong tidak buat apa-apa

Perhatian !!

Perlu ada pengetahuan apa yang ahli faham,
apa yang ahli tidak faham baru boleh
menolong dengan bersesuaian

3. Tidak dilakukan aktiviti walau pun sudah ambil keputusan tarikh aktiviti dan tempat

Perhatian !!

Berbincang dalam mesyuarat mengenai rancangan aktiviti supaya akan berjalan sebagaimana dirancangkan dan membuat rekod mesyuarat itu supaya tidak lupa keputusan yang sudah disetujui.

- Perlu menerangkan kepada ibubapa juga untuk memberi sokongan supaya menjalankan aktiviti-aktiviti

**4. Memberikan cadangan semasa
mesyuarat mesyuarat akibat
pengerusi bercakap sepanjang masa**

Perhatian !!

Kalau pengerusi bercakap sepanjang masa ,
penyokong boleh berbisik kepada
pengerusi untuk mendapatkan pendapat
setiap orang

Pengalaman Saya



- Memahami Advokasi-diri
- Hak Asasi Manusia
- Positif
- Melihat mereka sebagai individu bukan sebagai OKU
- Saling Menghormati
- Cara berkomunikasi

Bagaimana ahli-ahli UV mempengaruhi saya?

- Motivasi
- Pandangan berbeza
- Kebanggaan
- Menikmati

Mesyuarat AJK UV



Terima Kasih



Persatuan Advokasi Diri
Orang Bermasalah Pembelajaran
Selangor & Kuala Lumpur

www.unitedvoice.com.my